

TALKING POINTS

YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH

ABDULLAH

PRESIDEN ANGKASA

MERANGKAP PRESIDEN ASEAN CO-

OPERATIVE ORGANIZATION

MAJLIS MENANDATANGANI

MEMORANDUM OF AGREEMENT (MOA)

ANTARA
GUDANG MALAYSIA SDN BHD DAN
NATURAL LEISURE INTERNATIONAL SDN
BHD

**27 JANUARI 2023 (JUMAAT), JAM 10:00
PAGI, DEWAN DATO' ALI BAHRUM A,
ANGKASA**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam
Perpaduan

Terima kasih saudara Pengacara
Majlis

**Yang Berbahagia
Dato' Hj. Abdullah Jusoh**
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
ANGKASA

**Yang Berusaha
Encik Ahmad Marzuki Ismail**

Pengerusi Koperasi Kakitangan
ANGKASA (KOKITA)

**Yang Berusaha
Tuan Hj Anuar Bulin**
Timbalan Pengerusi KOKITA

Encik Mohd Nazri Wagiman
Ketua Pegawai Eksekutif
Gudang Malaysia Sdn. Bhd.

Yang Berusaha
Dr. Nurkhairunniesa Anuar
Pengarah Urusan
Natural Leisure International Sdn. Bhd.

Encik Anuar Ibrahim
Penasihat Kumpulan Syarikat
Natural Leisure International Sdn. Bhd.

Yang Berusaha
Encik Mohd Hezri Amir Abdul Latiff
Ketua Pegawai Eksekutif
Universe Interactive Sdn. Bhd.

Yang Berusaha
Puan Mazanah Mohd Zahini
CEO Menavacas Sdn Bhd

Tuan-tuan dan Puan-puan yang
dihormati sekalian

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-

tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izinnya juga, kita dapat bersama-sama hadir di Majlis Menandatangani Memorandum of Agreement (MOA) Projek Hub Pembangunan Pusat Pengedaran Produk dan Perkhidmatan di Negara Turkiye di antara Natural Leisure International

Sdn. Bhd (NLI) dan Gudang Malaysia Sdn. Bhd. (GM).

2. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Natural Leisure International Sdn. Bhd., Universe Interactive Sdn. Bhd. dan Menavacas Sdn Bhd rakan strategik KOKITA kerana sudi bekerjasama dengan Gudang

Malaysia Sdn. Bhd. bagi meluaskan pengedaran produk-produk koperasi khususnya dan produk-produk tempatan ke pasaran antarabangsa khususnya negara Turki.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian

3. Ini merupakan platform yang baik untuk KOKITA melalui Gudang Malaysia mengembangkan sayap perniagaan di peringkat antarabangsa. Ia juga merupakan satu usaha yang dapat membantu gerakan koperasi membawa produk-produk untuk pasaran luar negara.

4. Pusat pengedaran ini, mempunyai prospek yang baik memandangkan jangkaan nilai dagangan Malaysia – Turki akan mencecah RM20.9 bilion (AS\$5 bilion) menjelang 2025 dan dijangka akan meningkat hingga RM41.8 bilion (AS\$10 bilion).

5. Malaysia merupakan rakan strategik utama Turki di ASEAN dan nilai dagangan dua hala pada tahun lepas bernilai AS\$3.5 bilion (RM14.64 bilion), meningkat 50 peratus walaupun berdepan COVID 19.

6. Antara produk-produk utama Malaysia yang dieksport ke Turki ialah

kelapa sawit, aluminium dan sarung tangan perubatan.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian

7. ANGKASA menyokong penuh usaha ini dan akan melihat bentuk-bentuk penglibatan ANGKASA dan

gerakan koperasi dalam perniagaan ini.

8. Diharapkan dengan adanya pusat pengedaran ini, lebih banyak produk koperasi dibawa untuk pasaran Turki.

9. Saya sekali lagi merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada KOKITA, NLI, Gudang Malaysia, Universe Interactive Sdn. Bhd. dan Menavacas Sdn. Bhd. atas perjanjian kerjasama strategik ini.

10. Terima kasih kerana menjemput saya untuk turut serta dalam majlis bersejarah ini.

Sekian terima kasih.

Wabillahi taufik wal hidayah,
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.